

TAHAP PENGAMBILAN RISIKO DALAM GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA

Norwatim Hj Abd Latiff

Maktab Koperasi Malaysia

ABSTRACT

Risk taking involved decision made by the co-operative board member on some forms of investment which are funded by internal or external financing. In co-operative entrepreneurship level research, risk taking was used to identify board members action in developing their co-operative. Matters to assessed these items include external financing usage, difficulty on managing the investments, instrument that chosen to setting aside of funds excess, investment valuation method, and new high risk investment exploration. Research showed that risk taking were still at low level when more co-operatives decided not to use external financing because they do not dare to bear the losses and inability to pay back their loan. More co-operatives choose to invest in safer investment. Besides that, co-operative also less interested in managing big fund size to avoid from difficulty in running co-operative respectively. They are more comfortable to manage fund in small and medium size. Excess funds were also kept in fixed deposit. This obviously shows a large amount of co-operative choose to invest in instrument of low risk as compared to making investment in high risk instrument. At the same time, valuation method used for co-operatives are return on investment and findings revealed that co-operatives have use less expert service in making investment evaluation.

ABSTRAK

Pengambilan risiko melibatkan satu pembuatan keputusan oleh anggota lembaga koperasi terhadap sesuatu bentuk pelaburan samaada dibiayai oleh pembiayaan dalaman ataupun luaran. Dalam penyelidikan tahap keusahawanan koperasi, angkubah pengambilan risiko telah digunakan untuk melihat gelagat anggota lembaga dalam memajukan sesebuah koperasi. Perkara yang dinilai adalah merangkumi aspek penggunaan pembiayaan luaran, kesukaran mengurus pelaburan, instrumen yang dipilih untuk menyimpan dana berlebihan, kaedah penilaian pelaburan, dan penerokaan pelaburan baru berisiko tinggi. Penyelidikan menunjukkan angkubah pengambilan risiko masih pada tahap rendah apabila majoriti koperasi lebih cenderung untuk tidak menggunakan pembiayaan luaran kerana mereka tidak berani menanggung kerugian dan berkemungkinan tidak mampu menjelaskan balik pinjaman. Kebanyakan koperasi memilih untuk melabur dalam pelaburan yang selamat.

Selain itu, koperasi juga didapati kurang berminat dalam menguruskan dana bersaiz besar kerana ingin mengelak dari kesukaran dalam menguruskan koperasi masing-masing. Majoritinya lebih selesa menguruskan dana yang bersaiz kecil dan sederhana. Lebihan dana yang dimiliki koperasi juga disimpan dalam bentuk instrumen simpanan tetap. Ini jelas menunjukkan sebilangan besar koperasi memilih untuk melabur dalam instrumen yang berisiko rendah berbanding membuat pelaburan dalam instrumen yang berisiko tinggi. Di samping itu, kaedah penilaian yang digunakan bagi kebanyakan koperasi ialah pulangan atas pelaburan (Return On Investment) dan koperasi-koperasi ini juga kurang menggunakan khidmat pakar dalam membuat penilaian pelaburan.

LATAR BELAKANG

Artikel ini adalah merupakan sebahagian kecil daripada Penyelidikan Tahap Keusahawanan Koperasi di Malaysia (2009-2010) yang melibatkan penulis dengan rakan-rakan anggota penyelidik yang lain.

Melalui ulasan karya dan perbincangan dalam kumpulan fokus, 9 angkubah penentu tahap keusahawanan dalam koperasi telah dikenalpasti untuk dikaji dalam penyelidikan di atas. Angkubah-angkubah tersebut ialah halatuju, tahap inovasi, pengambilan risiko, keupayaan mengenalpasti peluang, kecekapan menguruskan sumber, pengiktirafan, penerapan budaya keusahawanan, pengurusan berkesan dan pengantarabangsaan.

SKOP PENULISAN

Arikel ini hanya melihat pengambilan risiko sebagai salah satu angkubah penentu tahap keusahawanan dalam koperasi. Walaupun penyelidikan yang dijalankan menunjukkan 9 angkubah yang dikaji sangat berkait rapat antara satu sama lain sebagai penentu tahap keusahawanan dalam koperasi.

Pengambilan risiko yang akan dibincangkan adalah merangkumi:

- i. Penggunaan pembiayaan luaran
- ii. Kesukaran mengurus pelaburan
- iii. Instrumen yang dipilih untuk menyimpan dana berlebihan
- iv. Kaedah penilaian pelaburan
- v. Penerokaan pelaburan baru berisiko tinggi

PERMASALAHAN KAJIAN

Sesebuah perusahaan yang berdaya tahan dan berdaya saing merupakan organisasi perniagaan yang berinovasi dan berani mengambil risiko untuk merebut peluang yang terdapat di persekitaran perniagaan yang dinamik. Sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sektor koperasi iaitu 1 peratus (2009) adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan sektor lain. Gelagat pemegang taruh koperasi dalam pengambilan risiko untuk membuat keputusan terhadap sesuatu pelaburan sangat penting untuk menjadikan koperasi sebagai organisasi yang dinamik dan berdaya siang. Oleh itu, satu kajian untuk mengenal pasti tahap pengambilan risiko oleh koperasi perlu dijalankan.

Objektif

- i. Untuk melihat sejauh manakah koperasi melibatkan diri dalam pelaburan yang berisiko tinggi dengan modal yang dimiliki samaada melalui pembiayaan luaran atau dalaman.
- ii. Melihat kedudukan angkuabah pengambilan risiko koperasi pada tahap keusahawanan rendah, tahap keusahawanan sederhana dan tahap keusahawanan tinggi.

Kepentingan Kajian/Penulisan

- i. Kajian ini dapat memberi gambaran kepada agensi dan jabatan yang menyelia dan melatih koperasi akan kedudukan koperasi semasa dalam melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan. Samaada masih terikat dengan aktiviti tradisonal seperti kredit atau kepada aktiviti yang lebih mencabar dan berisiko tetapi menjanjikan pulangan yang lebih baik.
- ii. Jabatan/agensi yang terlibat dapat merangka pendekatan yang lebih baik samaada dari segi penyeliaan dan latihan supaya koperator-koperator lebih proaktif dan dinamik dalam membuat keputusan pelaburan dan melihat aspek risiko dengan lebih rasional.

ULASAN KARYA

Aspek keusahawanan dalam gerakan koperasi di Malaysia masih belum banyak di buat kajian dan hampir keseluruhan kajian yang dibuat adalah tertumpu kepada ciri-ciri keusahawanan individu dalam sesuatu perusahaan. Konsep keusahawanan umumnya dikaitkan dengan penjanaaan kekayaan ekonomi untuk

individu, pengusaha-pengusaha dan seterusnya kepada masyarakat melalui cukai yang dibayar kepada kerajaan. Faedah sosial keusahawanan kepada masyarakat diakui (Venkataraman, 1977), menegaskan bahawa keusahawanan sebagai sebahagian daripada perspektif kebajikan sosial yang tidak hanya mementingkan diri sendiri tetapi pada masa yang sama memperkembangkan ekonomi sosial dengan menjanakan pembaharuan dari segi pasaran, industri, teknologi, institusi, peluang pekerjaan serta meningkatkan tahap produktiviti (Haugh & Pardy, 1999). Ini bermakna kajian keusahawanan dalam koperasi amat relevan dalam konteks hari ini, manfaat ekonomi dan sosial sesuatu organisasi bermotifkan keuntungan mendapat perhatian dari pelbagai pemegang taruh (*stakeholders*). Aktiviti keusahawanan bukan sahaja terdapat dalam syarikat-syarikat persendirian tetapi juga dalam gerakan koperasi. Malah, koperasi sepatutnya mengamalkan sifat-sifat keusahawanan yang tinggi dalam mencapai matlamat sosioekonomi anggota. Koperasi boleh dianggap sebagai entiti perniagaan yang bertujuan untuk kepentingan sosial di mana kelebihan boleh didapati melalui dana dari sumber dalaman dan juga luaran yang membolehkan aktiviti perniagaan dijalankan untuk bersaing di pasaran. Dana perusahaan sosial seperti ini dikaitkan dengan pelaburan portfolio dalam proses menjana satu jaringan perusahaan sosial yang unik. Keunikannya adalah melalui sistem penyampaian produk dan perkhidmatan kepada anggota berbeza dengan kaedah yang digunakan dalam entiti perniagaan yang lain. Unikunya di sini disebabkan koperasi mempunyai hubungan integrasi menegak bermula daripada koperasi peringkat prima, menengah dan puncak (*apex*). Dalam konteks koperasi juga, di samping kualiti dan kuantiti output sosial dan ekonomi, kesan kepada persekitaran alam sekitar perlu diambilkira dalam mengukur prestasi. Jelasnya pendekatan keusahawanan sosial dalam koperasi berorientasikan ke arah mengecilkan jurang sosial dan ekonomi. Secara idealnya, koperasi perlu memenuhi kehendak pemegang taruh, keperluan pasaran dan kesejahteraan masyarakat. Hasilnya nanti perubahan sosial yang diperjuangkan oleh gerakan koperasi akan memberi perubahan taraf hidup masyarakat keseluruhan.

Satu penyelidikan bertajuk ciri-ciri keusahawanan dan amalan pengurusan di kalangan pengurus-pengurus koperasi di Malaysia dijalankan oleh sekumpulan penyelidik dari Maktab Kerjasama Malaysia oleh Raja Maimon Raja Yusof, Sushila Devi, Jamilah Din, Nurizah Noordin dan Noraesyah Saari (2002) mendapati hampir keseluruhan responden memenuhi ciri-ciri keusahawanan yang disarankan oleh Geoffrey G. Meredith, Robert E. Nelson dan Philip A. Neek (1982). Walaubagaimanapun skor kelompok yang paling rendah (skor bawah 73%) terdiri daripada ciri-ciri mengambil risiko, berwawasan, kreatif dan inovatif, berdikari, kualiti memimpin, kerja keras dan keyakinan yang tinggi. Kajian ini bagaimanapun tidak mengukur gelagat keusahawanan koperasi itu sendiri. Justeru, kajian yang melibatkan tahap

keusahawanan dalam koperasi adalah relevan dan penting pada masa ini. Dalam penyelidikan ini pengambilan risiko bukan dikaji sebagai satu ciri tetapi sebagai satu angkubah melihat gelagat pemegang taruh koperasi dalam membuat keputusan berkaitan pelaburan.

METODOLOGI KAJIAN

Kerangka sampel diperolehi daripada direktori koperasi 2007 (SKM). Jumlah koperasi berdaftar adalah sebanyak 6084 buah koperasi. Bagaimanapun jumlah koperasi dalam populasi ialah 2963 buah koperasi setelah ditolak koperasi sekolah (2039 buah) dan dua koperasi perbankan. Proses pemilihan sampel adalah dengan mengklusterkan koperasi mengikut fungsi dan kemudiannya distratakan mengikut negeri dan zon.

Instrument kajian terdiri daripada borang soal selidik yang dibahagikan kepada dua seksyen. Seksyen A merupakan profil koperasi dan profil pengerusi/setiausaha/pengurus dan seksyen B mengandungi angkubah-angkubah yang dikenalpasti untuk kajian. Dua kajian rintis telah dijalankan bertujuan memastikan soalan mudah difahami dan menepati objektif kajian.

Data dikumpul melalui temuduga bersemuka oleh penyelidik dengan bantuan pembanci. Analisis data yang dikumpul adalah menggunakan pakej statistik SPSS melalui ujian Kolmogorouf Smirnov analisis diskriptif, jadual silang (*cross tabulation*) dan chi square (*inferential analysis*).

PERBINCANGAN DAN ANALISIS (OBJEKTIF I)

Penggunaan Pembiayaan Luar

Jadual 1 mengukur sejauh mana koperasi berani mengambil risiko dalam konteks menggunakan pinjaman luar sebagai sumber pembiayaan. Dalam tempoh tiga tahun ke belakang, kajian mendapati majoriti responden tidak mendapatkan pembiayaan luar untuk membiayai projek mereka. Hanya 160 buah koperasi (34.6%) pernah mendapatkan pembiayaan luaran manakala majoriti sebanyak 302 buah koperasi (65.4%) tidak menggunakan pembiayaan luaran. Kecenderungan majoriti koperasi untuk tidak menggunakan pembiayaan luaran menunjukkan mereka lebih berhati-hati atau tidak mahu menanggung risiko pinjaman. Daripada jumlah koperasi yang pernah mengambil pinjaman, 128 buah koperasi (90.7%), telah meminjam antara satu hingga tiga kali, manakala selebihnya pernah meminjam lebih daripada tiga kali. Kekekapan yang rendah untuk mendapatkan pembiayaan luaran menunjukkan majoriti koperasi mempunyai tahap pengambilan risiko yang rendah.

Jadual 1: Pengambilan Risiko – Pembiayaan Luaran

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
Dalam tiga tahun kebelakangan ada pembiayaan luar biayai projek	Ya	160	34.6
	Tidak	302	65.4
Bilangan/Frekuensi pinjaman	1 - 3 kali	128	90.7
	4 - 6 kali	8	5.6
	7 - 10 kali	2	1.4
	Lebih daripada 10 kali	3	2.1
Jenis-jenis pelaburan	Penubuhan subsidiari	12	7.5
	Penyelesaian hutang	16	10.1
	Pembelian aset (bangunan/kedai/ pejabat)	62	39.0
	Modal perniagaan	71	44.7
	Lain-lain	34	21.4

Jika dikaji dari segi jenis pelaburan yang dibuat menggunakan pembiayaan luaran, kajian mendapati majoriti koperasi memilih untuk melabur dalam pelaburan yang selamat. Didapati 71 buah koperasi (44.7%) menggunakan dana pinjaman tersebut untuk dijadikan modal perniagaan, diikuti dengan 62 buah koperasi (39%) memilih untuk melabur dalam aset seperti membeli kedai, pejabat dan bangunan.

Kesukaran Mengurus Dana (Mengikut Saiz)

Kajian mendapati, sebanyak 154 buah koperasi (34.5%) menyatakan bahawa mereka menghadapi kesukaran dalam menguruskan pelaburan koperasi masing-masing. Manakala majoriti koperasi (65.5%) tidak menghadapi kesukaran (Lihat Jadual 2). Daripada jumlah responden yang menyatakan mempunyai kesukaran mengurus pelaburan, majoritinya mengurus dana yang bersaiz sederhana berbanding dengan saiz kecil atau besar. Dapatan ini menunjukkan anomali di mana menguruskan saiz pelaburan yang lebih besar sepatutnya lebih sukar jika dibandingkan dengan saiz pelaburan kecil atau sederhana. Percanggahan ini mungkin disebabkan oleh kekeliruan responden yang mungkin merujuk kesukaran mengurus kepada saiz dana yang kecil tetapi pelbagai dalam portfolio yang diuruskan. Namun, walaupun dikatakan terdapat kesukaran dalam menguruskan pelaburan, kajian berpendapat bahawa tahap pengambilan risiko masih rendah memandangkan majoriti koperasi melaporkan masalah ini adalah dalam kalangan mereka yang menguruskan saiz dana yang kecil dan sederhana. Dari segi saiz dana, median bagi jumlah dana bersaiz kecil adalah sebanyak RM23,000, saiz sederhana adalah sebanyak RM150,000 dan dana bersaiz besar adalah sebanyak RM375,000.

Jadual 2: Pengambilan Risiko – Kesukaran Mengurus Dana (Mengikut Saiz)

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
Pelaburan sukar diuruskan?	Ya	154	34.5
	Tidak	293	65.5
Saiz pelaburan	Kecil	57	37.5
	Sederhana	68	44.7
	Besar	27	17.8
Median jumlah pelaburan		(RM)	
	Kecil	23,000	
	Sederhana	150,000	
	Besar	375,000	

Instrumen Simpanan yang Digunakan

Pemilihan jenis instrumen untuk menyimpan lebih dana yang dimiliki koperasi boleh mencerminkan tahap kesediaan mengambil risiko pemilik koperasi tersebut. Jadual 3 menunjukkan taburan responden yang menyimpan lebih dana dalam pelbagai jenis instrumen simpanan yang ada di negara ini. Kajian mendapati 286 buah koperasi (67.6%) memilih untuk menyimpan dalam instrumen simpanan tetap (*fixed deposit*), manakala sebanyak 121 buah koperasi (28.7%) memilih untuk melabur dengan membeli saham tak siar harga. Sebanyak 101 buah koperasi (23.9%) melabur dalam unit saham amanah. Jika dilihat daripada jenis instrumen yang dipilih jelas menunjukkan bahawa majoriti koperasi memilih untuk melabur dalam instrumen yang berisiko rendah dan secara tidak langsung mempamerkan tahap pengambilan risiko yang rendah dalam kalangan mereka.

Jadual 3: Pengambilan Risiko: Instrumen Simpanan yang Digunakan

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
Jenis-jenis instrumen simpanan	Simpanan tetap	286	67.6
	Unit saham amanah	101	23.9
	Saham tak siar harga	121	28.7
	Saham siar harga	89	21.0
	Lain-lain	62	14.7
Median jumlah simpanan		(RM)	
	Simpanan tetap	128,012	
	Unit saham amanah	100,000	
	Saham tak siar harga	96,914	
	Saham siar harga	170,000	
	Lain-lain	64,362	

Kaedah Penilaian yang Digunakan & Penggunaan Khidmat Pakar

Kajian mendapati majoriti responden menggunakan kaedah penilaian pelaburan biasa tanpa mengambil kira nilai masa pada wang. Di kalangan koperasi, kaedah yang kerap digunakan adalah pulangan atas pelaburan, 194 buah koperasi (45.6%) diikuti dengan 131 buah koperasi (30.8%) menggunakan jangkamasa bayar balik manakala penilaian yang lebih saintifik seperti nilai bersih semasa dan kadar pulangan dalaman masing-masing digunakan pada kadar yang rendah. Di samping itu, majoriti responden sebanyak 272 buah koperasi (60.4%) tidak menggunakan khidmat pakar dalam membuat penilaian pelaburan (Lihat Jadual 4).

Jadual 4: Pengambilan Risiko:Kaedah Penilaian yang Digunakan & Penggunaan Khidmat Pakar

Pernyataan	Frekuensi	Peratus	
Kaedah Penilaian	Pulangan atas pelaburan	194	45.6
	Pulangan sosial atas pelaburan	68	16.0
	Kadar pulangan dalaman	36	8.5
	Nilai bersih semasa	46	10.8
	Jangkamasa bayar balik	131	30.8
	Lain-lain	22	5.2
Menggunakan khidmat pakar?	Ya	178	39.6
	Tidak	272	60.4

Penerokaan Pelaburan Berisiko Tinggi

Jadual 5 menunjukkan taburan responden yang terlibat dalam penerokaan pelaburan baru berisiko tinggi. Majoriti responden iaitu 363 buah koperasi (80.1%) menyatakan tidak melibatkan diri dalam bidang baru yang berisiko tinggi. Daripada jumlah koperasi terlibat dalam membuat pelaburan baru, hanya 15 buah koperasi (29.4%) terlibat dalam projek pertanian, ternakan, perladangan dan perkapalan.

Perbincangan dan Analisis (Objektif II)

Dalam kajian bertajuk tahap keusahawanan dalam gerakan koperasi di Malaysia, untuk menentukan nilai sumbangan setiap angkubah termasuk pengambilan risiko dalam penentuan tahap keusahawanan koperasi, pendekatan secara indeks dibuat untuk mengenal pasti tahap keutamaan setiap angkubah. Setiap angkubah diberi nilai wajaran antara 0 dan 1 bagi menilai sumbangan terhadap penjaanaan aktiviti

Jadual 5: Pengambilan Risiko: Penerokaan Pelaburan Berisiko Tinggi

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
Meneroka bidang baru berisiko?	Ya	90	19.9
	Tidak	363	80.1
Bidang baru yang diteroka	Pinjaman anggota	3	5.9
	Pelaburan hartanah	8	15.7
	Projek pertanian/ ternakan/perladangan & perkapalan	15	29.4
	Ar-rahnu	1	2.0
	Kontrak	1	2.0
	Lain-lain	23	45.1

keusahawanan koperasi. Wajaran yang lebih tinggi diberi kepada angkubah yang dijangka memberi sumbangan besar kepada aktiviti keusahawanan. Keutamaan dan wajaran ditentukan berdasarkan analisis dan hasil kajian pendidikan kerana sehingga kini tiada instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi untuk dijadikan sandaran. Oleh itu, penyelidik menggunakan konsep arbitrary. Angkubah yang dianggap memberi sumbangan besar seperti keupayaan mengenal pasti dan merebut peluang, pengambilan risiko, inovasi dan pengurusan berkesan diberi nilai wajaran 0.15 sementara angkubah-angkubah lain diberi wajaran 0.10 dan 0.05. Untuk menentukan sumbangan setiap angkubah kepada proses keusahawanan setiap *item* dalam angkubah tersebut juga diberi skor. Skor maksimum bagi setiap angkubah adalah 100 manakala skor bagi setiap item diberi nilai mengikut kepentingannya dalam angkubah tersebut.

Hasil skor penilaian terhadap tahap keusahawanan secara keseluruhannya ditunjukkan dalam Jadual 6. Tahap keusahawanan dibahagikan kepada tiga iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Koperasi yang mendapat skor kurang daripada 0.4 diklasifikasikan berada dalam tahap keusahawanan rendah, manakala koperasi yang mendapat skor di antara 0.4 dan 0.6 diklasifikasikan berada pada tahap keusahawanan sederhana. Sementara itu koperasi yang mendapat skor lebih daripada 0.6 diklasifikasikan berada pada tahap keusahawanan tinggi. Min skor keseluruhan adalah 0.4.

Jadual 6: Senarai Keutamaan dan Wajaran

Keutamaan (Rank*)	Angkubah	Wajaran**	Sub item	Skor Maksimum (%)
2.	Keupayaan Mengenal Pasti dan Merebut Peluang	0.15	D1	10
			D2	30
			D3	50
			D4	10
			Jumlah	100
3.	Pengambilan Risiko	0.15	C1	15
			C2	20
			C3	20
			C4	20
			C5	10
			C6	10
			C7	5
			Jumlah	100
4.	Inovasi	0.15	A1	20
			A2	20
			A3	10
			A4	20
			A5	20
			A6	10
			Jumlah	100
6.	Pengurusan Berkesan	0.15	I1	5
			I2	20
			I3	10
			I4	10
			I5	10
			I6	10
			I7	20
			I8	5
			I9	10
			Jumlah	100
1.	Hala Tuju	0.1	B1	10
			B2	50
			B3	20
			B4	20
			Jumlah	100
5.	Pembudayaan Keusahawanan	0.1	H1	20
			H2	40
			H3	30
			H4	10
			Jumlah	100

Jadual 6: bersambung

Jadual 6: *Sambungan*


Keutamaan (Rank*)	Angkubah	Wajaran**	Sub item	Skor Maksimum (%)
7.	Kecekapan Pengurusan Sumber	0.1	E1	15
			E2	5
			E3	5
			E4	5
			E5	15
			E6	10
			E7	10
			E8	10
			E9	10
			E10	10
			E11	5
	Jumlah			100
8.	Pengiktirafan	0.05	F1	10
			F2	10
			F3	30
			F4	20
			F5	30
	Jumlah			100
9.	Pengantarabangsaan	0.05	G1	20
			G1a	20
			G1b	20
			G1c	20
			G1d	20
	Jumlah			100
	JUMLAH BESAR	1		900

Berdasarkan kepada Jadual 7, didapati sebanyak 251 buah koperasi (54%) berada pada tahap keusahawanan rendah, 188 buah koperasi (40.4%) berada pada tahap sederhana dan 25 buah koperasi (5.6%) berada pada tahap keusahawanan tinggi. Ini menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil sahaja koperasi mempunyai tahap keusahawanan yang membanggakan. Dapatan kajian juga menunjukkan lebih daripada separuh bilangan koperasi yang terlibat dalam kajian ini berada pada tahap keusahawanan rendah. Namun begitu, agak membanggakan apabila didapati lebih kurang 40% berada pada tahap keusahawanan yang sederhana. Ini menunjukkan satu penemuan yang menarik kerana koperasi yang berada pada tahap keusahawanan yang sederhana berpotensi untuk meningkat kepada tahap keusahawanan tinggi sekiranya aktiviti keusahawanan dipertingkatkan. Aktiviti keusahawanan harus dipertingkatkan oleh koperasi-koperasi yang berada pada tahap rendah dan sederhana manakala koperasi yang berada pada tahap tinggi perlu

memantapkan aktiviti keusahawanan sedia ada dengan mengambil kira sembilan angkubah yang diukur dalam penyelidikan ini. Ketiga-tiga tahap keusahawanan koperasi ditunjukkan jelas melalui tipologi keusahawanan koperasi iaitu tipologi tahap keusahawanan rendah, tipologi tahap keusahawanan sederhana dan tipologi tahap keusahawanan tinggi. Lihat Rajah 1 di bawah:

Jadual 7: Penilaian Tahap Keusahawanan Secara Keseluruhan

Tahap	Indeks	Bilangan	Peratus
Keusahawanan Rendah	<0.4	251	54.0
Keusahawanan Sederhana	0.4 – 0.6	188	40.4
Keusahawanan Tinggi	>0.6	25	5.6
Jumlah		465	100.0



Rajah 1: Perbandingan Tipologi Tahap Keusahawanan

Rajah 1 di atas menunjukkan corak tahap keusahawanan yang diperoleh daripada purata skor bagi semua angkubah yang telah diukur pada setiap tipologi tahap

keusahawanan. Ia jelas menunjukkan bahawa corak skor tahap keusahawanan adalah hampir sama dalam semua tahap cuma yang berbeza adalah dari segi intensitinya sahaja.

Dalam aspek pengambilan risiko, kajian mendapati amalan pengambilan risiko masih lagi rendah bagi setiap kategori. Penemuan ini menunjukkan terdapat jurang di antara kemampuan mengambil risiko oleh koperasi dalam setiap kategori. Ini menunjukkan kecenderungan mengambil risiko berbeza pada setiap tahap keusahawanan. Kajian menunjukkan mereka hanya menjalankan aktiviti-aktiviti yang berisiko rendah atau memilih untuk berada dalam zon selamat. Sebagai contoh, majoriti koperasi memilih untuk menyimpan wang lebihan mereka dalam simpanan tetap yang sangat berisiko rendah.

Jadual 8 menunjukkan analisis jurang antara angkubah pada ketiga-tiga tahap keusahawanan. Bagi tahap keusahawanan koperasi tinggi dengan tahap keusahawanan koperasi sederhana jurang angkubah pengambilan risiko adalah sebanyak 20.1% dan antara tahap keusahawanan koperasi sederhana dengan tahap keusahawanan koperasi rendah jurang risiko adalah sebanyak 17.5%. Ini menjadikan jumlah jurang pengambilan risiko keseluruhannya ialah 37.6%.

Jadual 8: Analisis Jurang Antara Angkubah-angkubah Tahap Keusahawanan

Angkubah	Tinggi (%)	Jurang	Sederhana (%)	Jurang	Rendah (%)	Jumlah Jurang
Pengantarabangsaan	11.5	11.3	0.2	0.2	0.0	11.5
Pengiktirafan	44.0	11.3	28.7	9.3	19.4	20.6
Pengambilan Risiko	53.2	20.1	33.1	17.5	15.6	37.6
Inovasi	63.5	22.7	40.8	22.6	18.2	45.3
Pembudayaan Keusahawanan	63.5	23.3	40.2	18.4	21.8	41.7
Kecekapan Pengurusan Sumber	66.7	18.2	48.5	18.5	30.0	36.7
Hala Tuju	72.5	9.4	63.1	26.6	36.5	36.0
Keupayaan Mengenal Pasti & Merebut Peluang	85.5	28.4	57.1	13.3	37.8	41.7
Pengurusan Berkesan	85.0	8.6	76.4	5.6	70.8	14.2

RUMUSAN

Secara umumnya, penemuan penyelidikan menunjukkan banyak koperasi memilih untuk menyimpan dana yang tidak digunakan dalam bentuk instrumen kewangan yang berisiko rendah berbanding dengan instrumen berisiko tinggi. Walau bagaimanapun, hukum pelaburan menunjukkan bahawa lebih tinggi risiko yang diambil, maka pulangan yang diraih juga lazimnya tinggi. Penyelidik berpendapat bahawa dengan menganalisis instrumen simpanan kewangan yang lazim digunakan oleh koperasi, penganalisis boleh mengandaikan tahap pengambilan risiko koperasi tersebut. Ia menunjukkan koperasi kurang mempelbagaikan bentuk pelaburan justeru untuk mengelak daripada mengambil risiko. Ia mungkin juga disebabkan oleh kurangnya pengetahuan dan pengalaman dalam bidang pengurusan portfolio pelaburan.

Pembiayaan luaran merujuk kepada kesediaan koperasi untuk mendapatkan pembiayaan daripada sumber luaran bagi tujuan pelaburan. Koperasi yang mampu menggunakan pembiayaan luaran menunjukkan tahap pengambilan risiko yang lebih tinggi berbanding dengan koperasi yang hanya menggunakan dana sendiri. Kesediaan mengambil pembiayaan luaran sebenarnya mendedahkan koperasi kepada risiko hutang/kredit dan secara tidak langsung menyebabkan koperasi tersebut lebih komited terhadap pelaburan yang ingin dibuat dengan dana yang diperoleh daripada luar. Kekerapan menggunakan sumber pembiayaan luaran juga menunjukkan kemampuan koperasi membayar balik pinjaman sesuai dengan tahap risiko yang diambil. Di samping itu, jenis pelaburan yang dibuat menggunakan sumber pembiayaan luaran boleh mencerminkan tahap pengambilan risiko koperasi terbabit.

Kesukaran mengurus pelaburan boleh dijadikan satu daripada dimensi pengukuran tahap pengambilan risiko dalam kalangan responden. Lazimnya, saiz pelaburan berkait rapat dengan kesukaran mengurus dan pengambilan tahap risiko. Misalnya, koperasi yang mengurus saiz dana pelaburan yang kecil, kurang menghadapi kesukaran dalam menguruskan risiko berbanding dengan koperasi yang terlibat dalam mengurus dana pelaburan bersaiz besar.

Kaedah penilaian projek atau pelaburan yang digunakan oleh koperasi dalam menilai daya maju dan seterusnya membuat keputusan pelaburan juga boleh dijadikan pengukur tahap pengambilan risiko koperasi terbabit. Lazimnya, kaedah kuantitatif dan mengambil kira nilai masa pada wang (*time value of money*) dilihat sebagai kaedah berkesan dalam membuat penilaian pelaburan. Ia juga melambangkan tahap kesediaan mengambil risiko sesebuah koperasi.

Kesanggupan koperasi untuk meneroka peluang pelaburan baru yang pastinya berisiko lebih tinggi juga mencerminkan tahap pengambilan risiko yang tinggi oleh koperasi yang ada membuat pelaburan sedemikian. Penyelidik menggunakan kriteria ini sebagai salah satu pengukur tahap pengambilan risiko kerana ia dengan jelas menunjukkan kecenderungan koperasi untuk mengambil risiko yang lebih tinggi justeru mengharapkan pulangan yang lebih tinggi.

RUJUKAN

- Norwatim Abd Latiff, Mohd Rasydi Abd Rashid, Suraya Husin, Ayu Diana Awang, Mohd Nusi Abdul Rahman, Mohamed Dahlan Ibrahim, Abdul Aziz Abdul Latif, Ghazali Ahmad & Mohd Rafi Yaacob. (2009). *Tahap Keusahawanan dalam Gerakan Koperasi di Malaysia*. Maktab Kerjasama Malaysia.
- B.D. Sharma. (2007). *Co-Operative Legislation and Policy in Asia-Pacific a Study*. New Delhi: International Co-operative Alliance.
- Davis, P. (1996). *Co-Operative Management Development: Peter Davis Publication and Distribution Area ICA*.
- Drucker, P.F. (2008). *Management: Revised Edition*. New York: Harper Collins.
- Glancey, K. & Pettigrew, M. (1997). Entrepreneurship in the small hotel sector. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 9(1): 21-24.
- Muenkner, H.H. (1987). *Koperasi untuk Si Kaya atau untuk Si Miskin*. Indonesia: Publication And Distribution Area.
- Haugh, H.M. & Pardy, W. (1999). Community Entrepreneurship in North East Scotland. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 5(4):163-172.
- Hayati Md. Salleh. (2008). *Gerakan Koperasi di Malaysia*. Petaling Jaya: Maktab Kerjasama Malaysia.
- Hollenstein, H. (2005). Determinants of International activities: Are SMEs different? *Small Business Economics*, 24(5): 431-450.
- Kuratko, D.F. & Hodgetts R.M. (2004). *Entrepreneurship Theory, process, practice*. Melbourne: Australia South-Western.
- Kyriakos, K., M. Matthew, et al. (2004). "The impact of co-operative structure and firm culture on market orientation and performance." *Agribusiness* 20(4): 379.
- McClelland, D. (1967). *The Achievement Society* New York. London, Free Press
- Munkner, H.H. (1974). *Co-Operative Principles and Co-Operative Law*. Marburg: Lahn Physical Description Area 153 p

- Raja Maimon Raja Yusof, Sushila Devi, Jamilah Din, Nurizah Noordin & Noraesyah Saari. (2002). Ciri-ciri Keusahawanan dan Amalan Pengurusan di kalangan Pengurus-pengurus Koperasi di Malaysia. Monograf Penyelidikan, Maktab Kerjasama Malaysia.
- Ronstadt. (1988). "The Corridor Principle." *Journal of Business Venturing* 3: 31-40.
- Schaper, M. & Volery, T. (2007). *Entrepreneurship and Small Business*. Australia, Pacific Rim Perspective, 2nd. Edition. Milton Qld: John Wiley & Sons.
- Wilson, N.C. & Slokes, D. (2005). Managing creativity and Innovation: the challenges for cultural entrepreneurs. *Journal of small business and enterprise development*, 12(3): 366-378.

AUTHOR'S BACKGROUND

Norwatim Abd Latiff is the Head of International and Higher Education Centre at the Co-operative College of Malaysia (CCM). She has more than 28 years experience in conducting training and providing advisory services for co-operatives in Malaysia. Norwatim Abd Latiff has carried out a number of research studies related to co-operative management. She holds a Masters in Business Administration (1994) and Bachelor in Economics with Honours (1979) from the University of Malaya, Malaysia. She also holds PostGraduate Diploma in Co-operative Management Consultancy (1984) from Netherland.